



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Sept./Okt.

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah blog kepada remaja dan langkah-langkah mengawal penyalahgunaannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Hari ini minat terhadap penulisan menjadi ledakan dalam dunia teknologi maklumat, terutama laman blog yang menjurus kepada isu politik berbanding dengan penulisan blog dalam pelbagai cabang dan isu lain. Perkembangan teknologi Internet dan dasar keterbukaannya secara tidak langsung telah memperluas dan memperkembang fungsi blog.

Menulis blog atau memblog setiap hari akan menjadikan remaja lebih yakin pada diri melalui pandangan yang diutarakannya. Walau bagaimanapun dalam menyuarakan pendapat atau pandangan tentang sesuatu isu kita tidak boleh menyalahi undang-undang seperti menyebarkan fitnah dan menghasut. Apabila sering melahirkan buah fikiran di dalam blog, mereka bukan sahaja mampu menjanakan pemikiran secara lebih terbuka dan kritis, melalui perkongsian pandangan dan perdebatan secara terbuka dalam sesuatu isu, tetapi juga menjadi terapi yang sihat kepada minda. Oleh itu, laman blog menjadi medium paling berkesan untuk berkongsi apa-apa juga pendapat dan pandangan, sekali gus menjadikan seseorang pengendali laman blog lebih peka dan terbuka baik dari segi pemikiran mahupun pandangannya.

Dalam meneliti kebanyakan laman blog yang ada pada hari ini, penyertaan remaja amat kurang. Sebahagian besar remaja lebih tertarik kepada laman yang dipanggil sebagai laman sembang seperti *Friendster*, *Facebook*, *Flixster*, dan *Fanbook*. Laman ini menjadi tempat untuk menambahkan kenalan bagi membolehkan mereka berkongsi minat tentang isu atau hal berkaitan dengan dunia mereka sendiri. Golongan remaja yang masih dalam proses menuju kematangan wajar menggunakan kebaikan blog ini sebagai tempat untuk mempopularkan diri sama ada dalam kalangan pemblog ataupun dalam kalangan rakan mereka di sekolah. Hal ini demikian kerana menjadi popular melalui blog merupakan satu *strategi yang positif*.

Remaja hari ini perlu memanfaatkan perkembangan blog untuk membentuk pemikiran yang lebih positif. Contohnya, mereka boleh membina satu blog yang khusus untuk bertukar-tukar nota pelajaran. Dengan cara ini, mereka dapat berkongsi ilmu dan menambahkan pengetahuan yang ada. Di samping itu, jika pandai memanfaatkan perkembangan teknologi hari ini, laman blog juga dapat dijadikan ruang untuk mendapatkan duit dengan cara mudah. Hal ini demikian kerana perkembangan sistem pemasaran di alam siber telah membolehkan sesiapa sahaja untuk mengiklankan produk masing-masing dalam dunia pengiklanan Internet.

Blog dan memblog ialah fenomena baharu dan menarik. Namun demikian belakangan ini, remaja dilihat lebih terarah dan berminat mengendalikan laman blog lucah dan memaparkan salah laku moral remaja. Agak menyedihkan apabila blog disalahgunakan sedangkan dunia blog itu sendiri banyak manfaatnya jika digunakan sebaik mungkin.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana
'Ledakan Blog: Di Manakah Remaja?'
oleh Muhamad Irfan,
Dewan Siswa, Julai 2008)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *strategi yang positif*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa contoh penyalahgunaan blog.
Nyatakan **tiga** daripada penyalahgunaan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menggalakkan orang ramai menggunakan laman blog? [4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BADUT (RAJA): Esoknya hamba pun masuk belukar keluar belukar, masuk hutan keluar hutan, masuk rimba keluar rimba. Luka di tangan, luka di kaki, luka di muka sebab mengejar seekor rama-rama yang kecil tetapi paling cantik sekali. Hamba tak pernah temui seekor yang sebegitu indah. Tiba-tiba, hamba tergelincir, terus jatuh ke dalam sebuah telaga. Air di dalamnya sedang mendidih bergelegak. Ya Allah, pedihnya bukan kepalang. Hilang malu, hamba menjerit-jerit. Tak tahu berapa lama hamba terapung di atas air yang sedang mendidih itu. Tiba-tiba rama-rama yang kecil tadi datang semula dan memerhati hamba yang berada di dalam keadaan yang sebegitu daif sekali. Rama-rama itu pun terbang berlegaran sambil mengipas-ngipas hamba dan air yang panas itu dengan sayapnya yang kecil dan sebegitu cantik sekali. Air yang panas tadi mulai beransur sejuk, semakin sejuk. Akhirnya, air itu sebegitu nyaman dan selesa sekali. Hamba terdengar azan waktu Subuh. Janganlah bunuh rama-rama.

(Dipetik daripada
drama '*Jangan Bunuh Rama-rama*'
oleh Noordin Hassan dalam antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah kesukaran yang dihadapi oleh raja untuk mendapatkan rama-rama? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, wajarkah rama-rama membantu raja yang berada dalam kesusahan?
Berikan alasan anda. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan di atas dan **dua** nilai lain yang terdapat dalam keseluruhan drama. [3 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata bapanya, “Ada seekor kera, konon, bersahabat dengan anak saudagar. Beberapa pun dilarang oleh ibu bapanya, tiada juga didengar oleh kera itu, jadi ia *beroleh kejahatan* daripada tiada ia menuruti kata bapanya. Maka senantiasa hari anak kera itu pergi bermain-main dengan anak saudagar itu.” Maka kata bapanya, “Hai anak-anakku, jangan engkau bersahabat dengan anak saudagar itu, kerana ia manusia, kita binatang!”

Maka segala pengajaran ibu bapanya tiada juga diturut oleh anak kera itu. Sekali peristiwa, pada suatu hari, maka anak kera itu pun bermain-main catur dengan anak saudagar itu. Maka kalah anak kera, menang anak saudagar. Maka anak kera itu pun marah lalu dihamburkannya buah catur itu kepada anak saudagar itu.

Syahadan, kepada masa itu orang pun banyak duduk di rumah saudagar itu, maka anak saudagar itu kemalu-maluan ia lalu dihunuskannya pisau daripada pinggangnya dan diparangkannya kepada anak kera itu. Maka anak kera itu pun melompat, kenalah hujung pisau itu pada lengannya, maka anak kera itu luka sedikit. Setelah itu, pisau itu pun dicampakkan oleh anak saudagar itu. Apabila dilihat oleh anak kera pisau itu tercampak di situ, lalu ia pun melompat mengambil pisau itu lalu dilontarkannya kepada anak saudagar itu, maka anak saudagar itu pun luka sedikit.

(Dipetik daripada
‘Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya’
dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *beroleh kejahatan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** peristiwa yang berlaku setelah anak kera kalah bermain catur dengan anak saudagar. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kebaikan jika anak-anak mematuhi nasihat ibu bapa?
Berikan **tiga** kebaikan. [3 markah]

Soalan 2 (d) - Petikan Puisi

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SELOKA PAK KADUK

Aduhai malang Pak Kaduk
Ayamnya menang kampung tergadai
Ada nasi dicurahkan
Awak pulang kebuluran
Mudik menongkah surut
Hilir menongkah pasang;
Ada isteri dibunuh
Nyaris mati oleh tak makan
Masa belayar kematian angin
Sauh dilabuh bayu berpuput
Ada rumah bertandang duduk.

*Puisi Melayu Tradisional, 1997.
Antologi Anak Laut
Dewan Bahasa dan Pustaka*

- (i) Nyatakan nasib malang yang menimpa Pak Kaduk akibat tindakannya dalam seloka di atas. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah seseorang itu dapat mengatasi nasib malang.
Berikan tiga cadangan anda. [3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam seloka di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) ipar-duai
- (ii) lauk-pauk
- (iii) sorak-sorai
- (iv) riuh-rendah
- (v) segar-bugar
- (vi) susup-sasap

[6 markah]

(b) *Sambung ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi ayat majmuk.*

- (i) Dugong ialah sejenis ikan. Dugong semakin pupus. Spesies ini sukar didapati di perairan negara.
- (ii) Perancangan amat penting dalam sesuatu kerja. Perancangan itu seharusnya bermula pada peringkat awal. Kerja itu berjaya disempurnakan.
- (iii) Pelancong itu singgah di Kuala Lumpur. Pelancong itu membeli-belah. Pelancong itu dalam perjalanan ke Pulau Pangkor.

[6 markah]

- (c) *Dalam perenggan di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Sebelum kita mencapai kemerdekaan, kehidupan yang perit pernah kita alami di bawah penjajah kuasa asing. Kometmen yang sepenuhnya tidak dapat kita berikan kepada negara kerana penjajah tidak mahu kita terlibat diri dalam pentadbiran negara. Mereka lebih suka sekiranya kita menumpukan perhatian terhadap keluarga dan kehidupan kita sendiri tanpa mengambillberat terhadap kepentingan masyarakat dan negara secara seluruh.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Peragawan itu banyak menyertai pertunjukan fesyen supaya memperagakan pakaian baju kebaya moden dan tradisional.
- (ii) Bekerja sendiri mendatangkan kemewahan yang amat banyak kepada siapa yang sanggup mencuba.
- (iii) Restoran itu sering pelanggan kunjungi terutamanya ketika hujung minggu sebab kecanggihan mi udangnya.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat di bawah dengan teliti dan kemukakan satu peribahasa yang sesuai dengan situasi ayat tersebut.*

- (i) "Selain dapat menimba pengalaman, saya juga mencari peluang untuk memperkembang perniagaan saya ketika menyertai seminar keusahawanan," ujar Bakhtiar kepada temannya.
- (ii) Dia sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk kepentingan dirinya walaupun orang lain menghadapi kesusahan.
- (iii) Abu dapat menyesuaikan diri walaupun dia berada jauh di perantauan. Dia sentiasa menghormati adat resam dan budaya masyarakat setempat.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Keberanian merupakan sebahagian daripada nilai yang dikemukakan oleh pengarang.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menunjukkan nilai keberanian.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah kaji, nyatakan watak sampingan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan watak utama.

Huraikan **satu** perwatakan watak sampingan dalam kedua-dua novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT